

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 20, 2019 8:12 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Dedah Cabaran Kerjaya Sebagai Ketua Sesebuah Organisasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

20 MAC 2019 / 13 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA COB

BENGKEL DEDAH CABARAN KERJAYA SEBAGAI KETUA SESEBUAH ORGANISASI



UUM ONLINE: Sebagai persediaan kepada pelajar untuk menempuhi alam pekerjaan, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni COB (PPA COB) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Akademik dan Sahsiah Pelajar Siri 3/2019 di DKG 2/2, baru-baru ini.

Program kali ketiga yang berlangsung hampir dua jam ini menampilkan Ketua Kumpulan Sumber Manusia, Bina Darulaman Berhad, Zaidi Osman yang berkongsi tentang cabaran kerjaya seorang ketua unit dalam syarikat besar di hadapan pelajar Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA).

"Cabaran utama adalah berkaitan diri sendiri iaitu persepsi, saingan, tikam belakang, salah faham dan ragu-ragu atau tidak yakin dengan diri sendiri.

"Justeru, kita perlu belajar dari kesilapan, atasi kesilapan dan mengaku kesilapan diri. Kejujuran juga salah satu kunci kejayaan, selain itu kita juga perlu suarakan pendapat dan idea dan dapatkan maklumbalas daripada rakan sekerja," ujarnya.

Wakil pelajar Perakaunan, Farah Insyirah Habib Rahman berkata, program tersebut perlu diteruskan kerana dapat menaikkan semangat dan memberi inspirasi kepada para pelajar.

"Banyak perkara baharu diperolehi melalui bengkel ini seperti tingkah laku dan moral apabila bekerja dengan organisasi," katanya

Sementara itu, Nur Azira Alia Baharuddin turut berpendapat ceramah ini sangat bermanfaat dan penyampaian yang sangat menarik dengan menggunakan konsep akronim seperti H.A.I.R dan F.R.I.E.N.D mudah diingati oleh para pelajar.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.